

Istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19 yang digunakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

[Arabic and Malay Terms Related to Covid-19 Epidemic used by the Malaysia Ministry of Health (MOH) and World Health Organization (WHO)]

Nur Hamizah Tuki¹, Suhaila Zailani @ Hj Ahmad^{2*}

¹Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. P116039@siswa.ukm.edu.my

²Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: suzail@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/uj.vol34no02.466>

Abstrak

Bidang peristilahan semakin berkembang dari hari ke hari dan banyak memberi manfaat kepada masyarakat. Sejak dunia dilanda wabak Covid-19, banyak istilah baharu berkaitan wabak tersebut muncul, hingga menyukarkan masyarakat memahami istilah tersebut apatah lagi untuk mengetahui asal usul perkataan tersebut. Oleh sebab itu, artikel ini menyenaraikan istilah berkaitan wabak Covid-19 yang kerap digunakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), menjelaskan asal pembinaan istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19 dan mengesan persamaan dan perbezaan makna istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan 30 kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai korpus utama, manakala dua laman web KKM dan WHO dirujuk sebagai korpus kedua. Sampel kajian terdiri daripada istilah berkaitan covid-19 dikeluarkan daripada korpus utama dan korpus kedua, dianalisis secara tematik dan deskriptif. Didapati sebanyak 60 istilah berkaitan wabak Covid-19 yang kerap diulang sebut dan digunakan oleh KKM serta WHO pada setiap kenyataan akhbar yang dijalankan. Daripada 60 istilah yang dianalisis, terdapat 45 istilah yang berasal daripada Bahasa Inggeris, 14 istilah daripada Bahasa Melayu dan 1 istilah berasal daripada Bahasa Arab. Selain itu, 26 istilah dapat dikesan mempunyai persamaan makna manakala 14 istilah lagi mempunyai makna yang berbeza. Implikasi kajian ini mendapatkan bahawa kemunculan istilah baharu dapat membantu masyarakat dalam menambahkan kefahaman mereka mengenai penggunaan istilah wabak Covid-19 selain dapat memperbanyak lagi kosa kata dalam komunikasi seharian.

Keywords: Istilah Arab, istilah Melayu, Covid-19, KKM, WHO

Manuscript Received Date: 05/05/22

Manuscript Acceptance Date: 19/06/22

Manuscript Published Date: 01/08/22

©The Author(s) (2022). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my



Abstract

The field of terminology is evolving day by day and has many benefits to society. Nevertheless, the emergence of dumping of new terms related to the Covid-19 outbreak often invites misunderstanding and confusion among the public to understand the term and origin of the word. Therefore, this article lists the terms related to Covid-19 epidemic that are frequently used by Ministry of Health Malaysia (MOH) and the World Health Organization (WHO), explains the origin of the construction of Arabic and Malay terms related to Covid-19 epidemic and traces the similarities and differences in the meaning of Arabic and Malay terms related to the Covid-19 outbreak. This qualitative study uses 30 press statement of the Ministry of Health Malaysia as the main corpus, while two websites MOH and WHO are referred to as the second corpus. The study sample consisted of Covid-19 related terms removed from the primary corpus and the secondary corpus, analyzed thematically and descriptively. There are 60 terms related to the Covid-19 epidemic that are frequently mentioned and used by the MOH and WHO in every press statement conducted. From 60 terms analyzed, there was 45 terms derived from English, 14 terms from Malay and 1 term derived from Arabic. In addition, 26 terms can be detected to have similar meanings while another 14 terms have different meanings. Implications of this study found that the emergence of new terms can help the community to increase their understanding about using of the term Covid-19 epidemic, besides increase the vocabulary in their daily communication.

Keywords: Arabic terms, Malay terms, Covid-19, MOH, WHO

Pendahuluan

Bahasa merupakan satu alat untuk berhubung sesama individu, kelompok atau lingkungan dalam sesebuah komuniti tertentu (Yusniza et al., 2011). Malah, bahasa juga merupakan wahana penting untuk menyebarkan dan meningkatkan ilmu pengetahuan. Menurut Victoria et al. (2018) setiap manusia perlu mengetahui sekurang-kurangnya satu bahasa untuk berkomunikasi supaya manusia lain dapat memahami maklumat yang disampaikan. Dari segi fizikalnya, bahasa juga dapat memberi manfaat kepada manusia dengan penghasilan bunyi yang membawa makna tertentu. Ikatan antara bunyi dan makna ini yang membolehkan manusia untuk berkomunikasi dan mencipta konsep-konsep. Melalui konsep-konsep inilah munculnya istilah (Junaini et al. 2017).

Peristilahan memainkan peranan penting untuk seseorang individu itu memahamkan konteks ayat dan teks secara khusus. Menurut Usmonov (2019), bukan sahaja pakar dalam pelbagai bidang perlu banyak menambah ilmu pengetahuan dalam bidang istilah disebabkan tugas hakiki mereka tetapi juga masyarakat umum pada masa kini sangat perlu mengambil cakna terhadap perkembangan istilah khususnya pada waktu penyebaran wabak Covid-19 yang berlaku sejak kebelakangan ini. Banyak istilah baharu berkaitan Covid-19 telah dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti seperti Dewan Bahasa Pustaka (DBP), Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Sedunia (WHO). Menurut Asrul Azuan et al. (2014), kesemua istilah baharu kebiasaannya akan disahkan tarafnya dan dimuat naik ke laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau nama lainnya Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP.

Penyebaran istilah melalui media dalam talian ini menjadikan semua perkara lebih mudah dan cepat untuk diakses berbanding cetakan kamus yang mengambil masa lama untuk diterbitkan. Masyarakat juga boleh menambah ilmu pengetahuan tentang istilah dengan hanya melayari internet sahaja. Walaupun begitu, sikap kurang peduli masyarakat terhadap pemilihan dan penggunaan istilah yang sahih menjadikan bahasa asal istilah itu seolah-olah mati dan hanya menggunakan bahasa pinjaman (Farhana Joni 2020). Oleh sebab itu, perkembangan bahasa perlu diambil cakna oleh masyarakat terutamanya sepanjang pandemik Covid-19, yang sangat memberikan kesan dan pengaruh kepada bahasa sesebuah negara sehingga menjadi kekeliruan sebahagian masyarakat menggunakan istilah yang tersebar (Mohd Saipuddin et al. 2021).

Oleh sebab itu, glosari istilah perlu dilakukan dan disebarluaskan kepada masyarakat agar mereka dapat memahami dan mengikuti langkah-langkah pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan World Health Organization (WHO). Di samping itu, dapat memudahkan para penyelidik untuk mengongsikan segala maklumat penting supaya boleh diikuti dan diterima masyarakat (Mohamad Elmy, Exzayarani 2020).

Pernyataan Masalah

Menurut Zaliza et al. (2014), istilah merupakan perkara yang sangat penting dalam perancangan bahasa terutamanya bahasa yang diangkat menjadi bahasa rasmi negara seperti Bahasa Melayu. Perbendaharaan kata bahasa Melayu perlu mencukupi bagi mengungkapkan perkara-perkara yang lebih kompleks, baik bersifat konkret maupun abstrak. Penambahan perbendaharaan kata selalunya terhasil dari dua cara (Zaharani et al. 2011). Pertama, masyarakat sesuatu bahasa itu cipta perbendaharaan kata melalui pengetahuan sedia ada. Keduanya, penambahan kosa kata atau istilah melalui proses peminjaman kata asing. Proses peminjaman boleh berlaku apabila terjadinya pertembungan antara dua bahasa. Istilah bahasa Melayu yang banyak meminjam dan diserap masuk bahasa asing misalnya bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Ibtisam Abdullah & Imran Ho (2018) mengatakan bahawa terdapat perubahan morfologi yang melibatkan perubahan kosa kata bahasa sumber dan penyerapan terhadap bahasa Sasaran.

Selain itu, terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) yang menjadi kekeliruan masyarakat dari segi makna dan penggunaannya ketika berkomunikasi (Dzulkifli Abdul Razak 2020). Contohnya istilah penjarakan sosial dan penjarakan fizikal. Menurutnya, kedua-dua istilah ini berbeza konsep dan mempunyai latar serta sejarah yang tersendiri. Penggunaan istilah yang tidak tepat oleh masyarakat juga boleh mengusutkan keadaan kerana bertentangan dengan tujuan utama penyebaran istilah iaitu mendidik dan membudayakan kefahaman terhadap amalan kebersihan dan kesihatan. Walaupun begitu, situasi ini semestinya tidak dapat dielakkan berikutan isu pandemik Covid-19 merupakan suatu yang baharu buat negara dan seluruh dunia.

Sejarah Wabak Covid-19

Berita mengenai wabak Covid-19 telah diketahui oleh pelbagai lapisan masyarakat di seluruh dunia apabila Pusat Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan wabak tersebut sebagai penyakit berjangkit dan boleh membawa maut. Sejarah asal mendapati wabak ini mula tersebar di China. Wagner Gouvea (2020) mengatakan walaupun kes yang berlaku pada awalnya dikaitkan dengan sebuah Pasar Makanan Laut Huanan South China, iaitu sebuah pasar yang menjual haiwan eksotik seperti ular dan kelawar, namun begitu, asal usul Covid-19 masih belum diketahui. Menurutnya, pesakit awal yang terkena Covid-19 datang daripada pekerja dan pengunjung yang pergi ke pasar tersebut. Kemungkinan wabak yang tersebar juga diperoleh daripada manusia dan merebak ke manusia lain atau boleh jadi terkena daripada haiwan.

Menurut Faris Danial (2020), penularan wabak koronavirus dikatakan berlaku di Malaysia sejak 23 Januari 2020. KKM juga menerima laporan daripada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPKC) dan mendapati tiga kes awal disyaki dijangkiti koronavirus di mana dua kes di Sabah dan satu kes di Selangor. Setelah siasatan dijalankan, KKM mengesahkan kes pertama membabitkan warga China yang datang ke Malaysia. Susulan kes tersebut, kerajaan terus menguatkuasakan serta merta bahawa semua kemudahan digantung bagi kemasukan rakyat dari China. Hari demi hari berlalu, virus koronavirus semakin mengganas apabila KKM melaporkan dalam sidang medianya bahawa terdapat pertambahan bilangan kes positif Covid-19 yang membabitkan semua negeri di Malaysia (Firdaus Azil 2020).

Wabak Covid-19 bukan sahaja telah meragut beribu-ribu nyawa masyarakat di Malaysia, tetapi turut melibatkan masyarakat di luar negara, lebih 5000 orang disahkan positif dalam masa sehari. Rentetan kejadian tersebut, kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 sehingga 31 Mac 2020. Kedai, pejabat, sekolah, institusi pengajian awam juga diarah tutup sementara waktu bagi mengelakkan sebarang perjumpaan fizikal. Namun, premis dan perkhidmatan penting seperti pasar raya, perbankan, pusat kesihatan dan sebagainya dibenarkan dibuka mengikut tarikh yang telah ditetapkan (Mohamed Azam 2020). Kerajaan juga menasihatkan supaya masyarakat tetap tinggal di rumah melainkan sekiranya mempunyai urusan penting untuk diselesaikan. Hal ini bagi menganegani virus daripada tersebar ke merata tempat sehingga membunuh lebih ramai lagi manusia.

Wabak dikatakan telah berlaku sejak zaman dahulu lagi dan disebutkan ‘rijz’ dalam Al-Quran. Kalimah ini merujuk kepada azab yang diturunkan oleh Allah SWT ke dunia untuk umat terdahulu disebabkan mengingkari suruhan Allah seperti menyembah berhala, matahari dan sebagainya. Menurut

Istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19 yang digunakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

Robiatul Adawiyah et al. (2020), ‘rijz’ atau wabak pernah diturunkan oleh Allah SWT pada zaman Nabi Muhammad S.A.W dan zaman khalifah Umar R.A. Datangnya wabak ini sebagai satu ujian kepada seluruh manusia tidak kira sama ada orang beriman ataupun kafir.

Selain itu, catatan sejarah turut menunjukkan bahawa kerajaan Mamluk juga pernah menghadapi wabak yang dikenali sebagai wabak taun. Wabak ini memberi impak yang sangat besar sehingga situasi sektor perdagangan berada dalam keadaan yang ‘lembap dan lesu’ dan akhir sekali berlaku kemerosotan dalam perdagangan. Menurut Wan Kamal Mujani (2009), aktiviti perdagangan bukan sahaja terjejas di peringkat tempatan, bahkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Ketika serangan wabak ini berlaku pada kerajaan Mamluk, bazar dan pasar perniagaan menjadi salah satu tempat yang tidak selamat untuk dikunjungi kerana wabak mudah merebak di kawasan tersebut. Oleh sebab itu, orang awam juga tidak dapat bermula seperti biasa dan hanya mendapat sedikit keuntungan sahaja daripada hasil jualan. Pedagang asing yang datang dari Venice, Catalonia dan Ragusa turut menjadi mangsa apabila dilaporkan telah meninggal dunia selepas terkena serangan wabak taun pada ketika itu.

Wabak atau penyakit berjangkit ini juga menjadi satu fenomena apabila ianya boleh wujud dalam mana-mana kelompok masyarakat. Hal ini kerana, pada tahun 1980 sehingga 1990 telah banyak usaha dijalankan bagi mencegah dan mengawal wabak yang berlaku, akan tetapi tetap tidak dapat mengurangkan masalah wabak peanyakit tersebut. Malah, kes menjadi semakin tinggi dan banyaknya berlaku kematian. Perkara ini dibuktikan dalam laporan kajian Fatan Hamamah (2005), beliau mendapati kes berjangkit seperti penyakit kolera, disentri, hepatitis A, tifoid dan keracunan makanan merupakan antara penyakit yang kerap berlaku di Malaysia. Antara penyakit yang didapati paling serius menyerang penduduk adalah penyakit hepatitis A. Selain itu, keracunan makanan juga antara wabak penyakit yang sering berlaku. Menurutnya, penyakit berjangkit boleh terjadi dengan pelbagai cara dan situasi seperti makanan yang tidak bertutup yang boleh menyebabkan dijangkiti bakteria, kebersihan pekerja sewaktu menguruskan makanan dan sebagainya.

Pembinaan istilah Arab dan Melayu

Penyebaran wabak yang berlaku secara tidak langsung memberi maklumat baharu kepada masyarakat dengan dapat mengetahui tentang perkembangan penyakit berjangkit melalui medium seperti membaca, menonton dan mendengarnya melalui media. Antara media yang digunakan ialah media cetak dan media penyiaran. Menurut Norsiah (2020) melalui media, masyarakat disediakan dengan pelbagai istilah yang jarang atau tidak pernah langsung didengari sebelum tercetusnya wabak ataupun pandemik. Malah, beliau menyatakan bahawa sepanjang tempoh PKP, masyarakat lebih terdedah dengan istilah industri kewangan termasuk juga istilah yang sentiasa diulang sebut seperti penjarakan sosial (*social distancing*), lockdown, kuaratin, kluster, prosedur operasi standard (SOP), pengesahan kontrak, kontrak rapat, kebiasaan baharu atau dikenali sebagai norma baharu (*new normal*), pakaian peralatan pelindung diri (*PPE*), pensanitasi tangan, pelitup muka (*face mask*), kekal di rumah (*stay at home*), dan kekal selamat (*stay safe*).

Kemunculan semua istilah baharu ini terjadi disebabkan berlakunya penyerapan daripada bahasa asing. Oleh sebab itu, penggunaan dan pemakaian istilah sangat perlu diberi perhatian terutamanya kepada pengkaji bahasa. Hal ini kerana, menurut Angellya Tri Yuliana (2013) pelbagai isu akan timbul apabila masyarakat sering menggunakan bahasa padanan dalam bahasa asing sehingga kurang memahami penggunaan bahasa ibunda dengan baik. Selain itu, boleh berlaku masalah lain seperti tidak dapat membezakan kata serapan asing dengan istilah asing sehingga menyebabkan salah faham dalam membezakan keduanya. Rentetan daripada itu, pengkaji merasakan bahawa pentingnya seseorang individu itu mengetahui tentang bagaimana penggunaan sesuatu istilah itu setelah ianya terbentuk.

Proses pembentukan dan pemilihan istilah

Suatu istilah yang wujud tidak akan terbentuk sekiranya tidak melalui proses pembentukan istilah. Justeru, pentingnya proses ini dilakukan oleh pihak berkuasa seperti Jawatankuasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Mereka ini perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam meneliti istilah atau perkataan baharu dalam Bahasa Melayu sebelum disebarluaskan kepada masyarakat. Namun, apabila perkataan yang tiada dalam budaya masyarakat di Malaysia, jawatankuasa tersebut harus melakukan kaedah pinjaman daripada bahasa asing dengan mencari bahasa yang paling

dekat dengan budaya negara Malaysia. Peraturan kepada peminjaman kata, sama ada dari Bahasa Inggeris, Bahasa Arab mahupun Bahasa Jerman, semuanya boleh diterima oleh pihak DBP untuk dipinjamkan bagi istilah Bahasa Melayu (Farhana Joni 2020).

Langkah pembentukan istilah

Bersesuaian dengan perkembangan semasa banyak istilah baharu yang telah terbentuk dan diterbitkan. Salah satu organisasi yang banyak membantu dalam penerbitan istilah ialah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pihak DBP ini merentasi pelbagai bidang yang ada untuk membentuk istilah baharu. Istilah yang dijumpai sebahagiannya diambil daripada bahasa sukuan dan bahasa yang dipinjam daripada bahasa asing. Ketika pandemik Covid-19, banyak istilah baharu telah dikeluarkan pihak DBP. Disebabkan itu, DBP mula membuat garis panduan terhadap langkah-langkah yang perlu dilakukan dalam proses pembinaan istilah baharu berkaitan Covid-19 (Md Rasul Harun 2021).

Berikut merupakan tujuh langkah tersebut:

1. Istilah yang dipadankan merupakan perkataan bahasa Melayu yang lazim dipakai dan menyokong makna istilah seperti garis pusat, hasil keluaran dan lain-lain.
2. Perkataan bahasa Melayu yang kurang lazim dipakai seperti cerakin, mendap dan jisim.
3. Perkataan bahasa serumpun atau dialek Melayu yang lazim dipakai seperti dermaga dalam bahasa klasik.
4. Perkataan bahasa serumpun atau dialek yang tidak selalu digunakan seperti dening dalam dialek Kelantan.
5. Perkataan atau istilah daripada bahasa Inggeris seperti struktur, spesies dan profesional.
6. Penggunaan perkataan daripada bahasa lain seperti '*ad hoc*', '*esprit de corp*' dan '*de factor*'.
7. Membuat pemilihan terbaik antara langkah pertama dengan langkah keenam jika berlaku beberapa kemungkinan.

Bahkan, terdapat empat syarat yang perlu dipatuhi dalam pembinaan istilah iaitu ungkapan yang dipilih mestilah ungkapan paling singkat, maknanya tidak menyimpang, tidak membawa pengertian buruk dan sedap didengar. Contohnya seperti:

- a. Pusat Penilaian Covid-19 / *COVID-19 Assessment Centre (CAC)*
Merujuk pada tempat yang disediakan khas sebagai pusat rujukan bagi mengenal pasti, menilai, memantau, serta menguruskan pesakit yang disahkan positif COVID-19.
- b. Nilai kebolehjangkitan / *R-naught*
Nilai kebolehjangkitan sesuatu virus pada permulaan sesuatu wabak dalam masyarakat.
- c. Ujian pandu lalu / *Drive-through testing*
Kaedah ujian secara pandu lalu yang membolehkan pemandu atau pesakit menjalani ujian calitan.
- d. Pandemik berkembar/ *Twindemic*
Nilai kebolehjangkitan sesuatu virus pada permulaan sesuatu wabak dalam masyarakat.
- e. Nilai ambang kitaran / *Cycle threshold value (ct value)*.
Keadaan apabila nilai kitaran ambang dalam ujian pesakit positif COVID-19 adalah rendah, menunjukkan kadar kebolehjangkitan wabak adalah tinggi.
- f. Gelembung perjalanan / *Travel bubble*
Perjanjian yang dipersetujui antara dua atau lebih negara untuk membuka sempadan tanpa mengenakan syarat kuarantin yang ketat kerana pemerintah saling mempercayai bahawa negara masing-masing sudah dapat menangani dan menguruskan virus dengan baik.

Pembentukan istilah bahasa Arab

Pembinaan istilah Arab ada dibahaskan dalam kajian Ahmad Miftahuddin (2015) di bawah topik proses pembentukan istilah. Proses boleh berlaku melalui penterjemahan, pembaharuan dan penyerapan. Menurutnya lagi, istilah boleh dikenali sebagai kata atau gabungan kata, maka pembentukannya tidak lepas dari proses morfologi atau sintaksis. Selain itu, pembentukan istilah juga boleh berlaku melalui pelbagai struktur atau sebagai pola seperti *wazan*, *forma sighah*, *masdar*, *isim fa'il*, *isim maf'ul*, *isim tafdhil*, dan sebagainya. Namun, istilah yang terbentuk daripada struktur ini adalah hasil kajiannya mengenai istilah hubungan antarabangsa. Hubungan antarabangsa yang dimaksudkan ialah persentuhan atau kontrak, saling tukar menukar bahasa atau interaksi antara negara.

Selain itu, penyerapan kata asing dan proses pembinaan istilah perlulah dahulu bagi penghasilan istilah kepada pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan sebagainya. Perkara ini dibuktikan dalam kajian Makmur Haji Harun dan Muhammad Bukhari Lubis (2015) apabila penerapan kata bahasa Arab menyerap ke dalam pelbagai bahasa lain sehingga ianya menjadi bahasa pertuturan sebagai alat komunikasi. Berdasarkan kajian yang dijalankan lebih dari 2,200 perkataan berhasil dari kaedah penyerapan bahasa, ini belum termasuk istilah Arab yang masuk ke perdendaharaan kata pada zaman globalisasi kini. Sebagai bahasa yang kaya dan maju, masyarakat menerima masuk kedatangan istilah Arab ini untuk digunakan dalam bahasa setempat, baik untuk kegunaan makna buat kali pertama ataupun untuk menambah perkataan sinonim dalam perdendaharaan kata atau kegunaan ketika berkomunikasi dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, peminjaman istilah bahasa juga antara salah satu kaedah bagi pembentukan istilah. Kaedah ini bukan sahaja terjadi kepada Bahasa Melayu, tetapi bahasa lain juga mengalami perkara yang sama. Contohnya, Bahasa Arab. Menurut Abd Rauf (2006), dalam kajian linguistik kemasukan bahasa asing juga terjadi pada Bahasa Arab. Antara faktor yang menyebabkan berlaku kemasukan bahasa asing ialah faktor perdagangan, politik, sosial dan agama. Kesemua faktor ini memainkan peranan secara langsung dan secara tak langsung dalam melahirkan dan mewujudkan peminjaman kata asing ke dalam Bahasa Arab. Dalam kajiannya juga, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa terjemahan menjadi faktor utama dalam melahirkan peminjaman bahasa asing ke Bahasa Arab. Bahkan, ia merupakan faktor terpenting yang menyumbang kepada kemasukan kata asing ke dalam Bahasa Arab.

Menurut Subhiy (1989), proses terjemahan juga berlaku semasa pembentukan istilah. Malah proses ini telah berkembang dengan pesatnya terutama pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah di bawah pimpinan Khalifah al-Ma'mun. Namun begitu, pengkaji percaya terdapat usaha-usaha terjemahan telah dilakukan dilakukan dari zaman dahulu lagi seperti zaman pemerintahan Umayyah dan yang membezakannya adalah pada zaman Abbasiyyah usaha terjemahan dilakukan dengan lebih banyak berbanding zaman Umayyah. Zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyyah ini dianggap sebagai satu era yang sangat maju dan berkembang dalam sejarah tamadun Arab. Kemajuan ini timbul hasil daripada usaha pemerintah Umayyah yang telah meluaskan tumpuk pemerintahan mereka ke negara-negara luar. Bermula dari sinilah, pemerintah Abbasiyah meneruskan perjuangan dan misi dalam menegakkan sebuah kerajaan yang kukuh dan bertamadun.

Menurut Kamal Ahmad Ghanim (2014), pembentukan istilah bahasa Arab terbahagi kepada beberapa kaedah iaitu *isytqaq*, *naqal majazi*, *idkhala ta'rib*, *an-nahtu* dan *muhakatul aswat*. Berikut merupakan penjelasan bagi kelima-lima perkembangan tersebut:

i. Kaedah yang pertama, *istiqaq*.

Isytqaq ialah etimologi atau kata terbitan yang diambil dari satu bentuk lain dengan persetujuan kedua pihak tidak kira dari segi makna atau istilah asal. Hal ini kerana, bagi menunjukkan bahawa istilah yang terbina masih mengelakkkan makna asal walaupun berlaku perubahan seperti pertambahan kata terbitan. Contohnya, “syariba” (peminum) dari kata “syariba” (minum). Melalui kata “peminum” dapat dilihat terdapat penambahan kata terbitan iaitu “pe” dihadapan kata tersebut. Pertambahan ini dapat menambah serta mempelbagaikan lagi istilah yang ada apabila berlakunya perubahan pada struktur kata.

ii. Kaedah yang kedua, *naqal majazi*.

Naqal majazi ialah penterjemahan metafora (kiasan) iaitu penterjemahan kata dari satu makna ke satu makna yang lain yang mesti menepati aspek semantik secara spesifik. Perkara ini boleh menyebabkan berlakunya fenomena

lingistik sehingga ia terkenal dan diketahui oleh orang ramai. Malah, kadang-kadang fenomena istilah bergantung kepada apa yang dimaksudkan pada setiap istilah yang terbit sehinggakan sampai suatu ketika ia menjadi suatu evolusi yang normal. Para sarjana moden arab juga memanfaatkan fenomena pemindahan metafora kerana mereka menganggap bahawa dengan cara ini dapat memberi serta membentuk nama dan istilah baru. Contohnya, “syajab” yang bermaksud “kebencian, kecaman ataupun kutukan”. Dalam konteks penterjemahan metafora pula, penggunaan istilah “syajab” membawa makna “kebinasaan atau kehancuran”. Daripada contoh ini dapat diketahui bahawa pemindahan metafora yang digunakan menyebabkan berlakunya perubahan dalam konteks ayat tersebut.

iii. Kaedah yang ketiga, *Idkhal wa ta'rib*.

Ta'rib ialah penterjemahan suatu kata yang diambil dari bahasa lain dengan sesuatu struktur. Menurut Syahadatul Khauri (t.th), ta'rib ialah suatu lafaz atau ungkapan arab yang boleh juga dikatakan sebagai istilah bahasa asing dan ia mempunyai cara dalam mendarabkan atau menterjemahkan ke bahasa Arab. Penerjemahan atau pengaraban istilah atau kata juga dinamakan sebagai “ad-dakhil”. Kaedah ini berlaku ketika dharurat seperti memerlukan istilah segera tapi melalui prosesnya. Misalnya, istilah dinar (dinar), qirad (karat), gram (gram) dan liyazer (laser).

iv. Kaedah yang keempat, *an-nahtu*.

An-nahtu ialah pembinaan satu perkataan atau istilah yang datang dari dua atau lebih perkataan atau ayat. Melalui perkataan yang terbina, dapat diketahui bahawa ia merupakan satu istilah singkatan yang datang dari ayat dan membawa makna tersendiri. Contohnya, istilah “hasbalah” yang disingkatkan dari perkataan “Hasbiyallah” dan “Basmalah” dari perkataan “*Bismillahirrahmannirrahim*”.

v. Kaedah yang kelima, *muhakatul aswat*.

Menurut ahli bahasa, muhakatul aswat ialah simulasi bunyi yang mengaitkan bunyi kata dan konotasinya dengan dua faktor. Pertamanya, *istiqaqul 'am* (kata/istilah umum) dan *mukatul aswat* (simulasi bunyi). Kaedah simulasi bunyi ini merupakan tiruan semula jadi bunyi manusia, bunyi haiwan dan fenomena alam semula jadi. Contohnya, perkataan atau istilah yang meniru suara manusia seperti tertawa, merungut, menghela nafas dan dengungan. Manakala istilah yang menunjukkan kepada bunyi binatang seperti raungan singa, bunyi kucing, gonggongan anjing, kicauan burung dan sebagainya. Istilah bagi alam semula jadi pula seperti deruan angin, guruh dan jatuh air.

Menurut Mohammed Aboiekher (2020), istilah berkaitan coronavirus sering kali terlintas di media sosial dan beliau berpendapat bahawa ada istilah yang diketahui masyarakat dan ada juga istilah yang tidak diketahui. Oleh sebab itu, dalam kajianya menjelaskan istilah berkaitan coronavirus dengan memberi tumpuan kepada istilah Arab dan Inggeris yang terkenal serta sering diguna pakai. Antara istilahnya seperti:

- i. *Epidemic (al-waba')*
- ii. *Pandemic (jaihah/ waba' 'alami)*
- iii. *Asymptomatic (marid biduna 'aradhu zhohirah)*
- iv. *Herd immunity (al-mana'ati jam'iayah)*
- v. *Community spread (tafsyil marad fil mujtama')*
- vi. *Epidemiology (ilmu al-wabaiyati)*
- vii. *Incubation (fatratu hadhonatul marad)*
- viii. *Isolation (al-'azal)*
- ix. *Quarantine (hijru sihhi)*
- x. *Screening (al-fahsu)*
- xi. *Social distance (taba'ud ijtima'i)*

Pembentukan istilah Melayu

Kemunculan istilah baru telah meluas penggunaannya dalam pelbagai bidang. Malah, telah membentuk dan menambah kosa kata bahasa yang telah sedia ada. Menurut Mohamad dan Hasnah (2017), perkataan-perkataan yang lazim diperkenalkan melalui media cetak atau media elektronik memenuhi keperluan pengguna dalam melancarkan komunikasi sehari-hari. Bahkan, berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati terdapat istilah yang dibentuk

Istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19 yang digunakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

dalam Bahasa Melayu sepenuhnya, bahasa asing khususnya Bahasa Inggeris dan ada juga istilah yang terbentuk hasil gabungan bahasa Melayu dan bahasa asing.

Sehubungan itu, dapatlah diketahui bahawa penggunaan istilah menjadi sangat penting dalam kehidupan manusia. Pernyataan ini ada dalam kajian Asrul Azuan et al. (2014), mereka mengatakan bahawa peristikilan merupakan satu aktiviti perancangan bahasa yang sangat penting bagi memastikan keintelikualan bahasa terutama Bahasa Melayu. Hal ini kerana, bagi menjaga sesuatu bahasa itu terus terpelihara sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi yang standard. Oleh sebab itu, prosedur pembinaan istilah perlu dilakukan dalam perancangan bahasa untuk menjadikan sesuatu bahasa dapat bersaing pada peringkat global.

Tambahan pula, zaman sekarang banyak penyerapan istilah bahasa asing yang mula diserap masuk ke dalam Bahasa Melayu disebabkan peredaran zaman. Hal ini sesuai dengan perkembangan hidup yang dilalui oleh manusia sebagai penuturnya. Namun, menurut Roslan Ali (2015), penggunaan istilah Bahasa Melayu perlu diutamakan oleh rakyat Malaysia sebelum terus menggunakan istilah asing seperti Bahasa Inggeris. Walaubagaimanapun, kajian mendapati bahawa pengguna bahasa Melayu lebih banyak menggunakan istilah asing atau kata serapan daripada kata asli bahasa Melayu itu sendiri, sama ada dalam penulisan mahupun pertuturan. Dari sudut, ia dianggap baik kerana dapat menambah perbendaharaan kata dalam Bahasa Melayu di samping dapat meningkatkan keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di persada dunia. Akan tetapi, dari sudut yang lain pula, ia dilihat boleh menenggelamkan penggunaan kata jati Bahasa Melayu itu sendiri sehingga mungkin ada generasi yang tidak mengetahuinya lagi.

Malah, implikasi daripada penyerapan kata asing juga berlaku dalam proses pemerkasaannya ke dalam bahasa lain seperti Bahasa Melayu. Menurut Zaharani et al (2011), dalam kajian yang dijalankan mendapati bahawa penyerapan kata asing bukan sahaja membawa maksud leksikal baharu tetapi disertai dengan sistem nahunya yang sekaligus menyebabkan berlakunya pertembungan antara sistem linguistik bahasa sumber dan sistem bahasa Sasaran. Proses penyerapan kata asing boleh terbahagi kepada dua iaitu kata asing yang mengalami perubahan dan penyesuaian untuk mematuhi sistem bahasa atau kata asing itu dikekalkan bentuk asalnya dan bawa masuk ciri baru yang melanggari sistem linguistik bahasa Sasaran.

Berdasarkan kajian lepas, pembinaan istilah dalam bahasa Melayu agak berkurangan berbanding bahasa lain sehingga menyebabkan berlakunya peminjaman istilah. Ekoran daripada itu, istilah melayu menjadi semakin berkembang disebabkan banyak dipengaruhi oleh kata pinjaman dari bahasa asing seperti Sanskrit, Arab, Latin, Inggeris dan Belanda. Menurut Zuraini (2002), antara salah satu bidang yang banyak menggunakan kata pinjaman atau istilah daripada bahasa Arab ialah bidang fiqh kerana istilah dalam bidang tersebut banyak berkaitan dengan istilah agama.

Selain itu, peminjaman istilah juga boleh terjadi melalui sesuatu perkataan yang hendak diterjemahkan tetapi maksudnya terlalu panjang. Misalnya, istilah qasar iaitu ‘kelonggaran yang dibenarkan bagi musafir untuk memendekkan solat fardhu empat rakaat kepada dua rakaat’. Daripada contoh tersebut dapat dilihat bahawa istilah bahasa Arab lebih menepati maksud seperti istilah yang berkaitan pengurusan keagamaan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk bebas dan boleh diubah suai mengikut keadaan dan situasi. Sebanyak 30 kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (selepas ini dirujuk kepada KKM) tentang situasi semasa jangkitan penyakit coronavirus di Malaysia antara tarikh 14 Mac 2020 sehingga 20 Julai 2021 yang dipilih sebagai korpus kajian. Bilangan ini sudah memadai kerana kebanyakan kenyataan akhbar peringatan berkaitan yang lebih kurang sama, begitu juga istilah yang digunakan kerap kali disebut KKM. Selain itu, kajian ini dirujuk kepada WHO). Kedua-dua laman web ini rujuk kerana laman web ini dikelola langsung oleh badan berkaitan kesihatan yang berautoriti. Sampel terdiri daripada istilah berkaitan covid-19 diambil daripada korpus dan dua laman web di atas dengan disenaraikan berdasarkan empat tema, iaitu: sosial, simptom penyakit, langkah pencegahan dan statistik data kes harian.

4.1.1 Istilah berkaitan wabak Covid-19 yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Sedunia (WHO).

Berdasarkan analisis, istilah berkaitan wabak Covid-19 sering disebut oleh Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam sidang medianya yang dijalankan semasa awal berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kebanyakan istilah baharu yang digunakan juga merupakan istilah yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Didapati sebanyak 60 istilah berkaitan covid-19 yang kerap digunakan oleh KKM dan WHO.

Istilah yang diperoleh juga dibahagikan kepada empat tema. Antaranya temanya ialah tema berkaitan sosial, simptom penyakit, langkah pencegahan wabak Covid-19 dan statistik data kes harian Covid-19. Bagi tema sosial, terdapat sebanyak 16 istilah yang digunakan. Manakala 13 istilah berkaitan simptom penyakit Covid-19, 15 istilah berkaitan langkah pencegahan wabak Covid-19 dan 16 istilah berkaitan statistik data kes harian wabak Covid-19. Istilah yang disenaraikan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Berikut merupakan data istilah yang telah dikumpul:

Jadual 1.1 istilah wabak Covid-19 berkaitan sosial

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Asal Istilah																											
1.	Covid-19	كوفيد - 19	Corona (CO) Virus (VI)																											
2.	Pernafasan buatan/bantuan pernafasan	التنفس الاصطناعي	Disease (D)																											
3.	Rantaian jangkitan	سلسة أمراض معدية	Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)																											
4.	Vaksin	اللقاح	Chain of infection																											
5.	Meratakan lengkungan	تسطيح المنحنى	Vaccine																											
6.	Berjangkit	عداوني	Flattening the curve																											
7.	Perintah Kawalan Pergerakan	قيادة مراقبة الحركة	Infectious																											
8.	Koronavirus	فيروس كورونا	Movement Control Order (MCO)																											
9.	Perjalanan yang tidak perlu	سفر غير ضروري	10.	Mengekang penularan	حاصدة تفشي	Coronavirus	11.	Penyebaran dalam komuniti	الانتشار في المجتمع	Unnecessary Travel	12.	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD)	حركة معززة النظام	Curb Transmission	13.	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	معركة مشرّطة نظام السيطرة	Movement Control Order (EMCO)	14.	Gelombang	موجة	Conditional Movement Control Order (CMCO)	15.	Tular	عدى / فيرال	Gelombang	16.	Wabak	الوباء	Tular
10.	Mengekang penularan	حاصدة تفشي	Coronavirus																											
11.	Penyebaran dalam komuniti	الانتشار في المجتمع	Unnecessary Travel																											
12.	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD)	حركة معززة النظام	Curb Transmission																											
13.	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	معركة مشرّطة نظام السيطرة	Movement Control Order (EMCO)																											
14.	Gelombang	موجة	Conditional Movement Control Order (CMCO)																											
15.	Tular	عدى / فيرال	Gelombang																											
16.	Wabak	الوباء	Tular																											

Sumber: sidang akhbar KKM, akhbar online, laman web WHO

Berdasarkan jadual di atas, terdapat sebanyak 16 istilah Melayu berkaitan sosial wabak Covid-19. 13 istilah tersebut berasal daripada bahasa Inggeris, manakala 2 istilah berasal daripada bahasa Melayu dan 1 istilah berasal daripada bahasa Arab iaitu istilah wabak.

Jadual 1.2 Istilah berkaitan simptom penyakit wabak Covid-19

Istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19 yang digunakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Asal Istilah
1.	Demam Panas	حمى	Demam panas
2.	Sakit tekak	التهاب الحلق	Sakit tekak
3.	Batuk Kering	سال جاف	Batuk kering
4.	Sukar bernafas	صعوبة في التنفس	Sukar bernafas
5.	Sakit badan	ألم في الجسم	Sakit badan
6.	Cirit-Birit	إسهال	Cirit -birit
7.	Selesema	الإنفلونزا	Influenza
8.	Hilang selera	فقدان الشهية	Hilang selera
9.	Keletihan	إرهاق/تعب	Keletihan
10.	Ruam pada kulit	الطفح الجلدي	Ruam pada kulit
11.	Mata merah	احمرار العين	Mata merah
12.	Sakit kepala	صداع	Sakit kepala
13.	Konjungtivitis	التهاب الملتحمة	Conjunctivitis

Sumber: sidang akhbar KKM, akhbar online, laman web WHO

Jadual 1.2 di atas merupakan senarai istilah Melayu berkaitan simptom penyakit Covid-19. Setelah dianalisis sebanyak 11 istilah yang berasal daripada bahasa Melayu manakala 2 istilah berasal daripada bahasa Inggeris iaitu istilah Selesema dan Konjungtivitis. Data-data istilah ini, semuanya diperoleh daripada pengumpulan data terhadap skrip sidang akhbar KKM, akhbar online dan laman web WHO.

Jadual 1.3 istilah berkaitan langkah pencegahan wabak Covid-19

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Asal istilah
1.	Kawasan yang sesak	مكان مزدحم	Crowded place
2.	Kawasan yang sempit	منطقة ضيقة	Confined space
3.	Elak sembang/bertutur jarak dekat	تجنب الحديث عن قرب	Close conversation
4.	Pelitup muka	قناع الوجه	Mask
5.	Penjarakan sosial	تباعد جسدي / تباعد شخصي	Social Distancing
6.	Lakukan saringan	قم بعمل المرضح	Swab test
7.	Pengasingan	العزل	Isolation
8.	Kekal berada di rumah	البقاء في المنزل	Stay at home
9.	Perubatan langsung	علاج مباشر	Direct medical
10.	Nyahkuman	طهير	Disinfect
11.	Prosuder Operasi Standard/SOP	إجراءات التشغيل القياسية	Standard Operating Proceder (SOP)
12.	Perhimpunan awam	اجتماع / تجمهر كبير	Perhimpunan awam
13.	Pembersih tangan/Pencuci tangan	مطهر لليدين / معقم يدين	Hand Sanitizer
14.	Kuarantin	حجر الصحي العزل	Quarantine

15.	Topeng pembedahan	قناع جراحي	Surgical Mask
-----	-------------------	------------	---------------

Sumber: Sidang akhbar KKM, akhbar online, laman web WHO, kamus istilah covid-19

Berdasarkan jadual 1.3 di atas, terdapat sebanyak 15 istilah berkaitan langkah pencegahan wabak Covid-19 yang sering digunakan oleh KKM dalam sidang media yang dijalankan. Daripada 15 istilah tersebut, 14 berasal daripada istilah bahasa Inggeris dan 1 istilah yang berasal daripada bahasa Melayu iaitu “*ijtima’/ tajamhara kabir*” (perhimpunan awam).

Jadual 1.4 istilah berkaitan data statistik kes harian wabak Covid-19

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Asal istilah
1.	Kontrak rapat	محالطة مباشرة	Close contact
2	Kes positif	حالة إيجابية	Positive case
3.	Kes import	مكان الاستيراد	Import case
4.	Kes aktif	فناح الوجه	Active case
5.	Kes indeks	فهرس الحالة	Index case
6.	Kadar kematian kes	معدل الإماتة	Case Fatality Rate
7.	Kumulatif kes	حالة تراكمية	Cumulative case
8.	Kes Baharu	حالة جديدة	New case
9.	Kluster	عنقود	Cluster
10.	Kes sedang dirawat	يتم معالجة الحالة	Case being treated
11.	Kes bawah pemerhatian	حالة تحت الملاحظة	Case under investigation
12	Kes tempatan	حالة محلية	Local case
13.	Kes harian	حالة اليومية	Daily case
14.	Tidak bergejala	عدم الأعراض	Asymptomatic
15.	Kes sembah	حالة استرداد	Recovered case
16.	Kes yang disahkan	حالة مؤكدة / حالة مثبتة	Confirmed case

Sumber: skrip sidang akhbar KKM, laman web WHO, kamus istilah Covid-19

Melalui jadual 1.4 di atas, sebanyak 16 istilah bahasa Melayu berkaitan statistik data kes harian wabak Covid-19 yang berasal daripada bahasa Inggeris. Kesemua istilah ini dianalisis dengan merujuk kepada kenyataan akhbar KKM, laman web WHO dan akhbar online. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kamus istilah Covid-19 dan juga kamus al-maany.com untuk melihat ketepatan istilah yang dikaji.

Sejarah asal pembinaan Istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19

Berdasarkan penganalisan yang dibuat, istilah yang terbentuk disebabkan faktor situasi semasa atau berlakunya penularan wabak penyakit berjangkit. Selain itu, kemajuan teknologi dan media massa juga menjadikan banyak pengaruh bahasa asing diserap masuk dan ini secara tak langsung menyebabkan istilah muncul dalam pelbagai bidang. Hal ini terbukti apabila istilah berkaitan wabak Covid-19 banyak muncul dalam bidang kesihatan dan bidang pendidikan.

Istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19 yang digunakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

Sejarah asal sesuatu istilah yang terbentuk dikatakan banyak diambil daripada bahasa sumber. Antaranya istilah Arab dan Melayu. Kedua istilah bahasa ini terbentuk sewaktu pandemik Covid-19 dan hasil kajian mendapat kebanyakan istilah diserap masuk daripada bahasa sumber seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kesemua istilah yang dikaji didapati sebanyak 45 istilah berasal bahasa Inggeris, 14 istilah berasal daripada bahasa Melayu dan 1 istilah berasal daripada bahasa Arab.

Persamaan dan perbezaan makna istilah yang berkaitan wabak Covid-19

Istilah yang diterbitkan oleh pihak berautoriti berkaitan wabak Covid-19 telah digunakan oleh masyarakat dan pakar daripada pelbagai bidang mengikut kesesuaian situasi semasa. Kewujudan istilah baharu sebahagiannya didapati mempunyai persamaan Adapun sebahagian yang lain mempunyai perbezaan dari segi istilah dan makna. 27 istilah yang diperoleh mempunyai padanan istilah serta persamaan makna. Misalnya, istilah melandaikan lengkung. Istilah ini mempunyai padanan istilah lain iaitu meratakan lengkung. Keduanya memberi maksud yang sama iaitu satu paparan visual bagaimana berlakunya permulaan peningkatan kes Covid-19. Istilah-istilah ini juga kerap digunakan oleh KKM pada setiap kenyataan akhbar yang dijalankan. Kebiasaannya istilah yang selalu disebut merupakan satu penekanan kepada masyarakat supaya lebih peka dan berhati-hati dengan keadaan semasa.

Seterusnya, berdasarkan pengumpulan data, pengkaji mendapati terdapat 16 istilah mempunyai makna yang berbeza. Rentetan daripada itu, kebanyakan masyarakat menghadapi masalah dalam menggunakan terutama ketika berkomunikasi kerana kurang faham makna sesuatu istilah tersebut. Contohnya istilah penjarakan sosial dan istilah penjarakan fizikal. Menurut takrifan WHO, keduanya membawa maksud yang berbeza. Penjarakan sosial ialah langkah yang perlu diambil oleh masyarakat ketika bersosial dengan mengelak daripada berjabat atau bersentuh tangan. Manakala penjarakan fizikal pula ialah jarak yang membantu dalam mengehadkan penyebaran wabak Covid-19 dengan cara menjarakkan diri antara satu sama lain sekurang-kurangnya satu meter bagi mengelakkan jangkitan ditempat yang sesak dalam kumpulan.

Melalui persamaan dan perbezaan makna istilah dapat dilihat bahawa 70% istilah mempunyai pertalian makna, manakala 30% lagi istilah yang berbeza makna.

Kesimpulan

Konklusinya, kajian menunjukkan bahawa banyak istilah Arab dan Melayu yang terbentuk sepanjang pandemik Covid-19 dan digunakan KKM serta WHO pada setiap kenyataan yang dikeluarkan. Pengkaji mendapati istilah yang dianalisis kebanyakannya diambil daripada bahasa sumber dan diserap masuk ke beberapa bahasa. Perkara ini menjadikan setiap istilah yang diterbitkan mempunyai makna yang berbeza mengikut kamus serta sumber yang dirujuk. Namun begitu, hasil kajian turut mendapati bahawa sebahagian istilah mempunyai persamaan dari segi penggunaan maknanya.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana PDI-2021-035 dan jutaan terima kasih kepada UKM kerana memberi kami dana bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abd Rauf Hj Hassan Azhari. 2006. *Faktor-faktor peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa arab: satu kajian linguistik sejarawi*. Selangor: Serdang.
- Ahmad Miftahuddin. 2015. *Pembentukan Kata dan Istilah dalam Bidang Hubungan Internasional pada Bahasa Arab: Tinjauan Semantis dan Morfologis*. Indonesia: Universiti Negeri Semarang.
- Angellya Tri Yuliana. 2013. *Analisis Pemakaian Kata Serapan dan Istilah Asing dalam Artikel Opini Harian Kompas Edisi Mei-Juni 2012*. Indonesia: Universiti Muhammadiyah Surakarta.
- Asrul Azuan Mat Dehan, Hajah Nor Azuwan Yaakob & Jama'yah Zakaria. 2014. Gerak Kerja '5P' Pembentukan Istilah Bahasa Melayu. *International journal of language education and applied linguistics (IJEAL)* 1(7), 77-86.

- Dzulkifli Abdul Razak. 2020. *Guna istilah tepat didik rakyat tangani Covid-19*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/06/704914/guna-istilah-tepat-didik-rakyat-tangani-covid-19>
- Farhana Joni. 2020. *Memahami proses pemilihan pinjaman bahasa-DBP*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/memahami-proses-pemilihan-pinjaman-bahasa-db-249301>
- Faris Danial Razi. 2020. *COVID-19: 12 kes baharu dikesan, jumlah terkini 129*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-12-kes-baharu-dikesan-jumlah-terkini-129-233210> (10 Mac 2020).
- Fatan Hamamah Hj Yahaya. 2005. *Kemunculan penyakit berjangkit dan kesannya terhadap manusia di malaysia*. Selangor: UKM Bangi.
- Firdaus Azil 2020. *Koronavirus: Kerajaan gantung sementara semua kemudahan imigresen kepada rakyat China dari Wuhan*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/koronavirus-kerajaan-gantung-sementara-semua-kemudahan-imigresen-kepada-rakyat-china-dari-wuhan-229128> (27 Januari 2020).
- Ibtisam Abdullah & Imran Ho Abdullah. (2018). Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Analisis Kajian Dari Sudut Perubahan Morfologi. Bangi. UKM. *Jurnal Sains Soial dan Kemanusiaan*. Vol. 13, No.3.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini, Nor Suhaila & Zuhairah 2017. Ketidakselarasan istilah Bahasa Mealy dalam korpus Kejuruteraan dan S&T: Analisis Sosioterminologi: *Jurnal Linguistik* 21 (1): 001-013.
- Kamal Ahmad Ghanim A.D. 2014. *Al-yatu ta'rib wa sina'ah mustolahat jadidah. Wizaratu tarbiah wa ta'lim 'ali: Palestin*.
- Makmur Haji Harun & Muhammad Bukhari Lubis. 2015. *Analisis penggunaan serapan bahasa arab dalam bahasa indonesia dan melayu sebagai bahasa komunikasi: satu kajian awal*. Perak: Tanjung Malim, Perak.
- Md Rasul Harun. 2021. Istilah baharu sesuai keadaan semasa. BH Online.<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/05/817927/istilah-baharu-sesuai-keadaan-semasa> (18 Mei 2021).
- Mohamad & Hasnah. 2017. Pembentukan istilah baharu: sejauh mana kesejajarannya dengan pedoman? persidangan antarabangsa sains sosial & Kemanusiaan kali ke-2 (PASA 2017), 26-27 Apr. 2017. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Mohamad Elmy, Exzayarani. 2020. Analisis neologisme: COVID-19 di negara Brunei Darussalam. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 11: (58-79).
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 2020. Kepentingan dharuriyyat dalam menangani wabak Covid-19 (in Bahasa Malaysia). https://iais.org.my/publications-sp-1447159098/dirasat-sp-1862130118/shariah-law-governancehalal/item/1172_kepentingan-dharuriyyat-dalam-menangani-wabak-covid-19-in-bahasa-malaysia.
- Mohammed Aboekher. 2020. *Al-Mustholahat al-Muta'alliqah bifirus kuruna*. <https://www.hotcourses.ae/study-abroad-info/latest-news/corona-terms/> (2 April 2020).
- Mohd Saipuddin Suliman, Yamamoto Hiroyuki, Nordiana Ab. Jabar, Lim Ying Xuan 4 & Mimi Suriani Mat Daud. 2021. Impak pandemik covid-19 terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya di Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 12: 10-20.
- Norsiah Abdul Hamid. 2020. *Pandemik covid-19 dan kebergantungan kepada media*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1851891> (19 Jun 2020).
- Robiatul Adawiyah, Norzulaili Mohd Ghazali, Hishamodin Ahmad. 2020. Analisis tematik kalimah 'rijz'dalam quran dan hadis nabawi. *Prosiding of 7th International Prophetic Conference (SWAN)*, hlm. 552-560.
- Roslan Ali. 2015. *Isu istilah, kata dan diksi dalam berbahasa (Issues in terminologies, words and diction in language use)*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Subhiy al-Saleh. 1989. *Dirasat Fi Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Syahadatul Khauri. t.th. *Nahwu manhajiyah muwahhadah liwadh'i mustolah*. Majallatu majma' lughatul arabiyyah. Damsyik.
- Usmonov Yorqinbek Muxtorjon ugli. 2019. The role and importance of terminology in the study of specialized language. *International Journal on economics, finance, and sustainable development* 19-23.
- Victoria Fromkin, Robert Rodman & Nina Hyams. 2018. An Introduction to Language. United States.
- Wagner Gouvea dos Santos. 2020. *Natural history of covid-19 and current knowledge on treatment therapeutic options*. Federal University of Jataí, Goiás, Brazil.
- Wan Kamal Mujani. 2009. Faktor Kemerosotan Sektor Perdagangan Mamluk (872-922H/1468-1517M): Suatu Analisis Berdasarkan Sumber Sejarah. *Jurnal Antarakta Kajian Asia Barat* 1:(1-22).

Istilah Arab dan Melayu berkaitan wabak Covid-19 yang digunakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

- Yusniza Yaakub, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor. 2011. *Evolusi bahasa dalam kalangan masyarakat Semai: Suatu kajian kes di Kampung Sungai Ruil, Cameron Highlands*. Proceedings of the Second Seminar on National Resilience (SNAR II).
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. 2011. Pemerkasaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu* 6: 13-27.
- Zaliza Zubir & Mahfuzah Md Daud. 2014. Peristilah bidang saintifik. *Journal of Human Development and Communication* (3). 93-113.
- Zuraini Hamisan. 2002. Peminjaman istilah bahasa Arab dalam bahasa Melayu: Satu kajian kes. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.